



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN ALUAN

**YBHG. TUAN AZMAN BIN MOHD YUSOF
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN
BULAN APRIL 2022**

**PADA
21 APRIL 2022 (KHAMIS)**

**TEMPAT
DEWAN SERBAGUNA
KPDNHEP**

TERIMA KASIH SAUDARA/SAUDARI PENGACARA MAJLIS

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

YB DATO' ROSOL BIN WAHID
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

YBHG. DATUK ROZIAH BINTI ABUDIN
TKSU (PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI)

YBHG. DATIN ROSZANINA BINTI WAHAB
TKSU (PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA)

KETUA-KETUA AGENSI

PENGARAH-PENGARAH KANAN SEKTOR DAN PENGARAH-
PENGARAH BAHAGIAN

WARGA KERJA KEMENTERIAN

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA,

PENDAHULUAN

1. SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA-NYA KITA DAPAT SAMA-SAMA KITA BERKUMPUL PADA MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BAGI BULAN APRIL 2022. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA BAHAGIAN PENGUAT KUASA, TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA DAN BAHAGIAN AUDIT DALAM SELAKU *HOST* BERSAMA BAGI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN PADA KALI INI.
2. PERHIMPUNAN KALI INI JUGA AMAT BERMAKNA DAN MENJADI SEJARAH KEPADA DIRI SAYA SENDIRI YANG MANA IANYA MERUPAKAN BUAT KALI PERTAMA SAYA HADIR SAMA SEBAGAI KETUA SETIAUSAHA DI KEMENTERIAN INI, ALHAMDULILLAH. IA JUGA MERUPAKAN SATU CABARAN KEPADA DIRI SAYA SENDIRI UNTUK MEMIKUL SATU AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB BESAR KEPADA NEGARA. SEMOGA YB DATO SRI, DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN DAPAT BERSAMA-SAMA SAYA UNTUK MENERUSKAN KEGEMILANGAN YANG TELAH DICAPAI OLEH KEMENTERIAN INI. SEBAGAI ORANG BARU DI KPDNHEP, SAYA MEMERLUKAN KOMITMEN WARGA KERJA KEMENTERIAN UNTUK SAMA-SAMA KITA MEMIKUL AMANAH BAGI MEMBERI PERKHIDMATAN TERBAIK

KEPADA RAKYAT.

3. KPDNHEP TELAH MENCAPAI USIA 32 TAHUN SEJAK PENUBUHAN PADA 27 OKTOBER 1990. SEPANJANG TEMPOH TERSEBUT, KPDNHEP MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DOMESTIK DAN KEPENGGUNAAN YANG TELAH MELAHIRKAN BANYAK PERUBAHAN EKO-SISTEM DALAM LANDSKAP PERSEKITARAN NEGARA. WALAUPUN KITA TELAH MENGECAPI PELBAGAI KEJAYAAN, TETAPI KITA MASIH BERHADAPAN DENGAN ISU-ISU YANG MEMBELENGGU KITA SEJAK SEKIAN LAMA TERUTAMA ISU BERKAITAN PERDAGANGAN DOMESTIK DAN KEPENGGUNAAN.

4. JUSTERU ITU, AGENDA UTAMA KITA ADALAH UNTUK MEMBANTU NEGARA MENCAPAI KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA DAN EKONOMI. KITA PERLU MELIPAT GANDAKAN USAHA UNTUK MENYOKONG AGENDA INI. INI MEMERLUKAN PERUBAHAN STRATEGIK BAGAIMANA KITA MEMBERI DAN MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN MELALUI PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN BAGAIMANA TEKNOLOGI DAN KEMAHIRAN MENYOKONG PROGRAM TRANSFORMASI INI.

5. INPUT DAN PANDANGAN PELANGGAN, PIHAK SWASTA DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) AKAN DIAMBIL KIRA DALAM MERANGKA DASAR DAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN SUPAYA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN LEBIH MESRA PELANGGAN. KOMUNIKASI PELBAGAI HALA ANTARA RAKYAT, KERAJAAN DAN PERNIAGAAN PERLU DIPERLUASKAN BUKAN SAHAJA MENERUSI WEB ATAU EMEL, TETAPI NEW MEDIA SEPERTI *FACE BOOK*, *TWITTER* DAN SEBAGAINYA. JUSTERU ITU, PERANAN KPDNHEP PERLU DILIHAT SEBAGAI:

- i. ADVISORY (MENCORAK KEADAAN) - BERTINDAK SEBAGAI PENASIHAT (ADVISOR) YANG ULUNG DAN BEWIBAWA KEPADA KERAJAAN DALAM PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DOMESTIK DAN KEPENGGUNAAN;
- ii. HENDAKLAH DILIHAT SEBAGAI PENERAJU DALAM “MENCORAK KEADAAN” KE TAHAP YANG LEBIH CEMERLANG; DAN
- iii. INSPEKTORAT DAN ADVOKASI HENDAKLAH DIPERGIATKAN BAGI MELIHAT JURANG DAN

KELOPONGAN DALAM MEWUJUDKAN
PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG.

YB DATO SRI, DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

6. SEPERTIMANA YANG KITA MAKLUM, BULAN APRIL MERUPAKAN BULAN YANG PALING BERMAKNA DAN DINANTIKAN OLEH PEGAWAI PENGUAT KUASA. PADA 17 APRIL SETIAP TAHUN SEMUA PEGAWAI PENGUAT KUASA AKAN MENYAMBUT HARI PENGUAT KUASA. DIKESEMPATAN INI SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT MENYAMBUT HARI PENGUAT KUASA KE-50 KEPADA SEMUA PEGAWAI DAN ANGGOTA PENGUAT KUASA DI SELURUH MALAYSIA. UCAPAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA SEMUA ANGGOTA DAN PEGAWAI PENGUAT KUASA KERANA KOMITED DALAM MENJALANKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG DIAMANAHKAN WALAUPUN TERPAKSA BERDEPAN DENGAN PELBAGAI CABARAN TERMASUK PANDEMIK COVID-19 DAN ISU KEBERADAAN DAN KENAIKAN HARGA BARANG DI PASARAN.

7. PELBAGAI PROGRAM TELAH DIRANGKA OLEH BAHAGIAN PENGUAT KUASA SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS KE-50, BUKAN SAHAJA DI PERINGKAT IBU PEJABAT MALAH TURUT DIADAKAN DI PERINGKAT NEGERI DAN CAWANGAN. ANTARA PROGRAM YANG DIJALANKAN IALAH

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM DAN ASNAF, PERBARISAN DAN KAWALAN KEHORMATAN, MAJLIS SANTAPAN BERADAB, SEMINAR, PAMERAN SERTA PERTANDINGAN SUKAN.

8. SAYA JUGA MENGHARGAI KEPUTUSAN BAHAGIAN PENGUAT KUASA UNTUK MENAGGUHKAN SAMBUTAN HARI PENGUAT KUASA SEMATA-MATA UNTUK MENUMPUKAN KEPADA TUGASAN-TUGASAN LAIN SEPERTI PEMERIKSAAN OPS PANTAU.

9. PADA 1 APRIL 2022, KITA TELAH BERALIH KE FASA ENDEMIK SETELAH 2 TAHUN BERADA DI BAWAH ARAHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP). AKTIVITI PERNIAGAAN TELAH DIBENARKAN BEROPERASI DAN SEMPADAN NEGARA DIBUKA SECARA RASMI BERKUATKUASA 1 APRIL 2022. JUSTERU, KITA PERLU MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BESAR SEBAGAI SEBUAH KEMENTERIAN YANG BERTANGGUNGJAWAB DARI SEGI PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KHUSUSNYA DALAM SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN DAN KEPENGGUNAAN.

YB DATO SRI, DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

10. KEMENTERIAN SEDANG MENGORAK LANGKAH KE ARAH MENJADI KEMENTERIAN PREMIER NEGARA BERPANDUKAN OLEH VISINYA IAITU 'PERDAGANGAN DALAM NEGERI YANG PROGRESIF DAN MAMPAN. JUSTERU ITU, MISI KEMENTERIAN PERLU DILAKSANAKAN BAGI MENGUKUHKAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI MELALUI PENCIPTAAN NILAI DAN PENDIGITALAN, MENGADAPTASI INOVASI DAN TEKNOLOGI SEBAGAI ASAS ORGANISASI CEMERLANG DAN MENINGKATKAN PERLAKUAN PENGGUNA YANG RASIONAL DENGAN MEMPERKASAKAN KOMUNITI DAN MASYARAKAT SIVIL.

11. BAGI MEWUJUDKAN KERJAAAN KOLABORATIF, PENEKANAN MELALUI PLATFORM DIGITAL BERSANDARKAN PERKONGSIAN MAKLUMAT ANTARA KERAJAAN, PENIAGA DAN PENGGUNA PERLU DISEIMBANGKAN BERDASARKAN PENDEKATAN 3K IAITU KOLOBORASI, KOMUNIKASI DAN KOMUNITI.

12. KEMENTERIAN PERLU MENGGALAKKAN AMALAN “*BEST PRACTICE*” DALAM KALANGAN PERDAGANGAN DOMESTIK DAN PENGGUNA MENERUSI PEMBERIAN ANUGERAH ATAU DIJADIKAN ROLE MODEL, *STANDARD-SETTER*, KEBANGGAAN DAN DISANJUNG TINGGI OLEH RAKYAT,

SEKTOR PERNIAGAAN DAN JUGA KOMUNITI ANTARABANGSA.

13. KEMENTERIAN PERLU BERTINDAK SEBAGAI PEMUDAHCARA DAN PENASIHAT YANG BEWIBAWA DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI PERDAGANGAN DOMESTIK DAN KEPENGGUNAAN. BAGI MENCAPAI HASRAT TERSEBUT KEMENTERIAN PERLU AKTIF MENJALAN KAJIAN DAN PENYELIDIKAN YANG BOLEH MENGHASILKAN PENEMUAN KE ARAH PEMBENTUKAN DASAR, GARIS PANDUAN, PROSIDUR DAN ETIKA PENERAPAN AMALAN BAIK (*ADOPTION OF BEST PRACTICES*).

14. AMANAH YANG DIBERIKAN KEPADA KITA SEMEMANGNYA BERAT DAN MENCABAR. EKSPEKTASI PELANGGAN TERHADAP KITA PADA HARI INI ADALAH AMAT TINGGI. MEREKA MAHUKAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI, CEPAT DAN TEPAT. MEREKA JUGA MAHUKAN PERSEKITARAN PERKHIDMATAN YANG KONDUSIF DI MANA MEREKA BOLEH BERURUSAN DENGAN KERAJAAN TANPA MENGIRA WAKTU DAN TEMPAT. KITA PERLU MELIHAT SESUATU SEBAGAI "*THE GAME OF THE IMPOSSIBLE*" BAGI MENCAPAI HASRAT DAN MEREALISASI

SESUATU YANG BARU DENGAN MENCIPTA PERKHIDMATAN BERINOVATIF DAN KREATIF.

15. DARI SEGI STRUKTUR PELAKSANAAN DAN CARA BEKERJA, KITA SEMEMANGKAN DI PECAHKAN MENGIKUT BAHAGIAN WALAUPUN SEBENARNYA KITA MEMPUNYAI HASRAT ATAU MATLAMAT YANG SAMA. JUSTERU, KITA PERLU MEMECAH TEMBOK PEMISAHAN DAN MEMBENTUK SATU PASUKAN YANG PADU DAN UTUH BERDASARKAN SEMANGAT UNTUK BERJAYA TANPA MENGIIRA BAHAGIAN ATAU SEKSYEN.

16. DISIPLIN YANG TINGGI MERUPAKAN PRA-SYARAT UNTUK MENGECAPI KEJAYAAN. DISIPLIN BUKAN HANYA BERMAKNA MEMATUHI PERATURAN YANG KETAT YANG LAZIMNYA TIDAK DISUKAI, TETAPI IA MERUPAKAN PERLAKUAN STRATEGIK STANDARD SOSIAL SUPAYA SESEORANG DAPAT BERTINDAK SECARA RASIONAL DAN BAIK, UMPAMANYA SETIAP DARI KITA PERLU BERDISIPLIN DALAM PENGURUSAN MASA, MENJAGA KEBERSIHAN DAN PEMATUHAN ETIKA KERJA. HANYA DENGAN DISIPLIN YANG TINGGI, KITA DAPAT MENGHASILKAN KECEMERLANGAN DALAM APA JUGA YANG KITA LAKSANAKAN. MEREKA YANG MEMPUNYAI DISIPLIN YANG TINGGI SEWAJARNYA DIBERI ANUGERAH ATAU DI BERI

PENGIKTIRAFAN ATAS KECEMERLANGAN YANG DITONJOLKAN. BEGITU JUGA YANG TIDAK BERDISPLIN PERLU MENGAMBIL TANGGUNGJAWAB ATAU MENERIMA BALASAN KE ATAS KELEMAHAN ATAU KEGAGALAN DALAM MENGHAYATI DISIPLIN.

17. PENGUATKUASAAN JUGA HENDAKLAH DIPERGIATKAN BAGI MELIHAT JURANG DAN KELOPONGAN DALAM MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG. PENGUATKUASAAN JUGA DAPAT MENILAI PELANGGAN KEMENTERIAN MEMATUHI UNDANG-UNDANG, STANDARD, DASAR, GARIS PANDUAN, ETIKA AMALAN BAIK DAN PROSIDUR YANG TELAH DIGARISKAN OLEH KERAJAAN.

18. SEBAGAI SEBUAH KELUARGA MALAYSIA, NILAI-NILAI DI BAWAH TERAS BERKENAAN TERMASUK MENYEMAI BUDAYA INTEGRITI DALAM KELUARGA, MENJADIKAN BUDAYA AMANAH SEBAGAI BUDAYA KELUARGA, MENJADIKAN PRINSIP Keadilan sebagai teras pengukuhan keluarga dan menjadikan amalan bermusyawarah sebagai amalan keluarga perlu di perkayakan. Di samping itu, menerapkan budaya ilmu dalam masyarakat dan keluarga, menyuburkan budaya komunikasi berhemah dalam

KALANGAN KELUARGA DAN MASYARAKAT SERTA MEMBINA AKHLAK MULIA SELURUH ANGGOTA KELUARGA.

19. DALAM USAHA KEMENTERIAN UNTUK MENGHARMONIKAN EKONOMI NEGARA, EMPAT (4) ELEMEN TERSEBUT PERLU DIBERI PERHATIAN ;

- i. EKOSISTEM PERDAGANGAN DOMESTIK YANG MAMPAN, BERDAYA MAJU DAN BERDAYA SAING MENYUMBANG KEPADA KDNK;
- ii. PENGELUAR DAN PENIAGA BEBAS BERNIAGA SECARA BERETIKA DENGAN UNTUNG YANG MUNASABAH;
- iii. PENGGUNA BERDAYA-UPAYA MEMPERTAHANKAN HAK MENDAPATKAN BARANG DAN PERKHIDMATAN PADA HARGA YANG BERPATUTAN; DAN
- iv. KERAJAAN SEBAGAI PEMUDAHCARA BAGI MEMASTIKAN KESEIMBANGAN KEPERLUAN SEMUA PIHAK KE ARAH EKONOMI YANG BERDAYA MAJU.

YB DATO SRI, DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

20. WALAU PUN KITA MEMPUNYAI SASARAN KERJA, AMALAN BAIK DAN PRINSIP SEPERTI YANG DISEBUTKAN TADI, TETAPI PADA AKHIRNYA KITA JANGAN LUPA AKAN KUASA TUHAN YANG MAHA ESA DAN QADA DAN QADARNYA, YANG AKAN MENENTUKAN KEJAYAAN KITA. MARILAH SAMA-SAMA KITA MENCARI PERLINDUNGAN ALLAH YANG MAHA BERKUASA DAN RAHMATNYA YANG TIDAK TERBATAS SERTA BERSERAH DAN BERDOA SUPAYA DIA MEMBERI RAHMAT KEPADA KITA MENERUSI PENYERAHAN KUDRAT KITA KEPADA KEMAHUANNYA UNTUK MELETAKKAN PERKHIDMATAN AWAM DI TAHAP YANG PALING TINGGI. SEMOGA KITA BERADA DALAM KEADAAN WARAS AGAR DAPAT BEKERJA SECARA LUAR BIASA UNTUK MELAHIRKAN SEBUAH PERKHIDMATAN AWAM YANG CEMERLANG AGAR MANUSIA SEJAGAT MENGHARGAI KITA. SEMOGA USAHA KITA DAN KERJA KITA BERJAYA. SATU TEKAD, SATU KPDNHEP.
21. SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN, MARILAH KITA SAMA-SAMA MENINGKATKAN AZAM, KOMITMEN, DISIPLIN DAN DEDIKASI TERHADAP TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KITA SELAKU PENJAWAT AWAM KEPADA RAKYAT, KERAJAAN DAN NEGARA TERCINTA. BAGI MEMASTIKAN KEJAYAAN SESEBUAH ORGANISASI, KERJA BERPASUKAN

ADALAH SANGAT PENTING DAN PERLU DITERAPKAN DALAM BUDAYA KERJA SEMASA MELAKSANAKAN APA JUA TUGASAN YANG DIAMANAHKAN.

22. SEDAR TAK SEDAR RAMADAN HANYA BERBAKI 10 HARI SAHAJA LAGI. TIDAK TERLALU AWAL RASANYA UNTUK SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI DAN MAAF ZAHIR BATIN KEPADA WARGA KPDNHEP YANG BERAGAMA ISLAM. HATI-HATI SEMASA MEMANDU PULANG KE KAMPUNG HALAMAN. KEPADA YANG BERTUGAS SEMASA PERAYAAN ALDILFITRI INI KHUSUSNYA KEPADA ANGGOTA PENGUATKUASA YANG PERLU BERADA DILAPANGAN, SAYA UCAPKAN SELAMAT MENJALANKAN AMANAH DENGAN PENUH DEDIKASI DAN KOMITED, SESUNGGUHNYA SUMBANGAN BAKTI TUAN/PUAN SEKALIAN SENTIASA MENDAPAT KEBERKATAN ILAHI DAN DIPERMUDAHKAN DALAM MENJALANKAN TUGAS.

23. AKHIRULKALAM, SAYA MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH DI ATAS KESUDIAN YB DATO SRI, DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG HADIR KE MAJLIS INI. UCAPAN TERIMA KASIH DAN SYABAS JUGA DIUCAPKAN KEPADA PIHAK URUS SETIA DAN SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SAMADA SECARA LANSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG BAGI MENJAYAKAN MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN PADA KALI INI.

**SELAMAT MENYAMBUT HARI PENGUATKUASA KE – 50
TAHUN 2022**

“KOMITED MENDEPANI CABARAN”

24. DENGAN INI, SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK
WALHIDAYAH, WASSALAMMUALAIKUM
WARRAHMATULLAHI TAALA HI WABARAKATUH.

SEKIAN DAN TERIMA KASIH.

**DISEDIAKAN OLEH :
BAHAGIAN PENGUAT KUASA
21 APRIL 2022**